

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

NO. SOALAN : 479

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah rumah Projek Pembangunan Rakyat Termiskin yang telah di bina dan di baik pulih di negeri Pulau Pinang mengikut kawasan Parlimen semenjak Projek ini dilaksanakan sehingga kini daripada seberapa jumlah permohonan yang diterima.

JAWAPAN:

Pelaksanaan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) oleh Kementerian ini adalah merupakan salah satu daripada inisiatif Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Melalui program ini, sejumlah 1,817 unit rumah telah dibina dan di baik pulih di negeri Pulau Pinang dengan melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM25.61 juta bagi tempoh 2001 sehingga 2016.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN

SOALAN : NO. 480

Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan setakat ini bagaimana setiap Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) merancang untuk menjana pendapatan sendiri dan bentuk-bentuk bimbingan/bantuan yang diberikan Kementerian kepada institusi-institusi tersebut ekoran daripada pemotongan peruntukan dari Kementerian dalam bajet 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam usaha bagi mengurangkan kebergantungan dana awam, Universiti Awam (UA) adalah digalakkan untuk menjana pendapatan sendiri. Pada masa kini, sumber peruntukan UA adalah melalui dana awam sebanyak 80% dan selebihnya melalui penjanaan dari sumber dalaman UA masing-masing.

Antara usaha yang telah dan sedang diambil oleh UA dalam menjana pendapatan sendiri adalah:

- (a) Mempergiatkan lagi usaha menambah pendapatan dalaman dengan mempelbagaikan sumber pendapatan sedia ada seperti menjalankan konsultasi, latihan kursus, penerbitan dan pengkomersilan;

- (b) Menggunakan kepakaran sedia ada daripada sumber manusia dan aset bagi menjana pendapatan dalaman UA;
- (c) Mengukuhkan lagi kedudukan anak syarikat di bawah UA;
- (d) Mengoptimumkan kos dalam pendidikan tinggi melalui perbelanjaan secara berhemah dan cekap tanpa mengurangkan atau menjejaskan penyampaian kualiti pendidikan tinggi kepada masyarakat; dan
- (e) Melaksanakan pengurusan fasiliti yang cekap dan efisien serta meningkatkan produktiviti dan keberkesanan kos pendidikan tinggi dengan sumber yang terhad.

Hasil daripada usaha berkenaan, 65 peratus UA berjaya menjana pendapatan lebih daripada sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), iaitu 55% bagi kategori Universiti Bukan Penyelidikan dan 10% bagi kategori Universiti Penyelidikan.

Antara hasil kejayaan UA dalam penjanaan pendapatan sendiri adalah:

- (a) UTM di Kuala Lumpur telah berjaya membangunkan 500 unit penginapan dengan pinjaman bank sebanyak RM180 juta;
- (b) UNIMAS mampu membeli 15 buah blok apartment perumahan daripada Perumahan Negara dengan harga RM52 juta;

- (c) USM menerima sumbangan daripada Tan Sri Azman Hashim sebanyak RM10 juta bagi Kompleks Sukan Azman Hashim;
- (d) UKM mendapat sumbangan daripada Yayasan Bukhari bagi sebuah auditorium dengan belanja RM40 juta; dan
- (e) UA turut menerima banyak geran dari luar bagi maksud membantu penyelidikan. Geran luar yang diterima oleh UA ialah sebanyak RM461 juta. Ini termasuklah geran daripada industri sebanyak RM237.8 juta. Geran luar yang diterima pula adalah dari Japanese International Company Agency, Japan Look East, Newton Ungku Umar dan Australia-IRU.

Walaupun berlakunya pengurangan Bajet 2017, KPT dan UA sentiasa komited dan terus berusaha untuk memastikan program pendidikan tinggi terus dilaksanakan dengan lestari.